

# Pelabur asing tidak dipaksa bayar gaji lebih

B.H 23 OCT 1992

ALOR STAR, Khamis — Kerajaan tidak akan memaksa pelabur asing membayar gaji lebih kepada pekerja walaupun negara mengalami kekurangan tenaga kerja, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau juga memberi jaminan kepada pelabur asing bahawa kerajaan tidak berhasrat menyediakan satu dasar supaya mereka membayar gaji lumayan kepada pekerja apabila melabur di negara ini.

Menurutnya, walaupun kerajaan berharap pekerja tempatan dibayar lebih tinggi, ia tidak perlu dipaksa kerana yakin gaji akan meningkat berikutan kekurangan tenaga kerja yang dihadapi sekarang.

"Kita tidak memaksa sesi-

apa menaikkan kadar upah atau menjadikan ia suatu dasar kerana yakin ia akan meningkat berikutan kekurangan tenaga kerja.

"Bagaimanapun, dalam masa yang sama kita terus berharap pekerja tempatan menerima ganjaran yang sewajarnya.

"Walaupun gaji yang dibayar sekarang lebih tinggi berbanding sesetengah negara jiran, ia sebenarnya masih rendah berbanding negara maju," katanya kepada pelabur asing di Kedah yang menghadiri majlis makan tengah hari Perdana Menteri dengan peniaga Pekan Rabu, di Bangunan Sultan Abdul Halim, di sini hari ini.

Majlis itu adalah perjumpaan Dr Mahathir dengan peniaga Pekan Rabu mengenai

usaha membangun dan memajukan kompleks perniagaan Pekan Rabu. Hadir sama ialah Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Dr Mahathir juga berkata, di sesetengah negara, kos tenaga kerja adalah berlipat kali ganda berbanding di Malaysia.

"Upah sehari bagi pekerja di Eropah adalah sama seperti sebulan gaji pekerja tempatan atau 30 kali ganda melebihi upah yang dibayar di Malaysia.

"Saya yakin kadar upah di negara ini akan meningkat, tetapi daya pengeluaran perlu turut ditingkatkan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan sedar daya penge-

luaran adalah terhad tetapi ia boleh ditingkatkan menerusi penggunaan kaedah pengeluaran lebih berkesan.

Perdana Menteri juga menjelaskan tumpuan kerajaan ialah menyediakan peluang pekerjaan menerusi usaha menggalakkan kemasukan pelaburan asing.

Katanya, usaha itu berjaya berikutan kerjasama et-at kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan sehingga menyebabkan negara menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja.

Sehubungan itu, katanya, walaupun kekurangan tenaga kerja, kerajaan berharap pelabur akan terus datang tanpa terlalu bergantung kepada tenaga kerja, sebaliknya menumpukan penggunaan robot

LIHAT MUKA 3

## Kerajaan galak tubuh koperasi

DARI MUKA 1

bagi mengurangkan keperluan tenaga manusia.

Beliau berkata, jika dahulu pelabur lebih berminat melabur di Selangor, Pulau Pinang dan Johor kerana ramai tenaga kerja, tetapi kini mereka beralih ke negeri lain, termasuk Kedah dan Perlis.

Mengenai tanggungjawab kepada pekerja, Dr Mahathir berkata, kerajaan menggalakkan penubuhan koperasi pekerja dan berharap pelabur

memberi kerjasama dengan menggalakkan pekerja menyertai koperasi.

"Penubuhan koperasi dapat membantu meningkatkan kebajikan dan menghindari mereka daripada terpengaruh pihak tertentu," katanya.

Selain itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan berhubung terus dengan pekerja bagi menjelaskan kebajikan mereka adalah tanggungjawab kerajaan.

"Kerajaan tidak mampu-

nyai niat sebaliknya, tetapi tidak boleh terlalu bergantung kepada kesatuan sekerja bagi menjelaskan perkara ini.

"Hasrat kita untuk menyediakan seberapa banyak peluang pekerjaan dan mengurangkan kadar pengangguran ke tahap paling minimum.

"Ini berbeza dengan hasrat kesatuan sekerja yang hanya berminat dengan mereka yang sudah bekerja," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap pelabur akan memberi kerjasama membantu pekerja dan kerajaan bersedia membantu jika mereka memerlukan nasihat.

Dr Mahathir juga mengucapkan terima kasih kepada pelabur yang melabur di negara ini kerana Malaysia sememangnya bergantung kepada mereka untuk membangunkan ekonomi dan kemajuan negara.